

## ISTILAH TA'ĀYUSH SEBAGAI KONSEP KEUTUHAN SOSIAL: SATU ANALISIS SEMANTIK

### TA'ĀYUSH AS A CONCEPT OF SOCIAL COHESION: A SEMANTIC ANALYSIS

Azman Che Mat<sup>1\*</sup>  
Azarudin Awang<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Kampus Dungun, Terengganu, Malaysia  
(E-mail: [azman531@uitm.edu.my](mailto:azman531@uitm.edu.my))

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Dungun, Terengganu, Malaysia  
(E-mail: [azarul154@uitm.edu.my](mailto:azarul154@uitm.edu.my))

\*Corresponding author: [azman531@uitm.edu.my](mailto:azman531@uitm.edu.my)

#### Article history

Received date : 9-5-2026  
Revised date : 10-5-2026  
Accepted date : 1-6-2026  
Published date : 20-6-2026

#### To cite this document:

Che Mat, A., & Awang, A. (2026). Istilah ta'āyush sebagai konsep keutuhan sosial: Satu analisis semantik. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (83), 497 – 504.

**Abstrak:** Makalah ini membincangkan istilah ta'āyush sebagai satu konsep yang berpotensi membentuk kerangka keutuhan sosial dalam masyarakat majmuk. Kajian ini meneliti asal usul istilah ta'āyush daripada akar kata Arab عاش (*āsha*) yang membawa makna kehidupan dan kebersamaan hidup. Analisis semantik dilakukan terhadap perkembangan makna kata daripada aspek morfologi dan penggunaannya dalam wacana sosial Islam kontemporari. Selain itu, makalah ini turut meneliti kedudukan konsep ta'āyush dalam kerangka fiqh sosial serta hubungannya dengan konsep-konsep lain seperti toleransi, tasāmuh, ta'āruf dan muwāṭānah. Kajian ini mendapati bahawa konsep ta'āyush mempunyai keupayaan untuk menjadi asas pembinaan keutuhan sosial dalam konteks negara bangsa moden kerana ia menekankan unsur hidup bersama secara harmoni tanpa menghapuskan identiti kelompok yang berbeza. Konsep ini juga mampu diaplikasikan dalam pengurusan hubungan antara golongan majoriti, minoriti dan golongan kelainan upaya demi membentuk masyarakat yang inklusif dan sejahtera.

**Kata Kunci:** Ta'āyush, Semantik Arab, Keutuhan sosial, Fiqh Sosial, Negara Bangsa

**Abstract:** This paper discusses the term ta'āyush as a concept with the potential to establish a framework for social cohesion within a pluralistic society. The study examines the origin of the term ta'āyush, derived from the Arabic root عاش (*āsha*), which denotes life and coexistence. A semantic analysis is conducted on the development of the term's meaning from morphological perspectives and its usage within contemporary Islamic social discourse. In addition, this paper explores the position of the concept of ta'āyush within the framework of social fiqh and its relationship with other related concepts such as tolerance, tasāmuh, ta'āruf, and muwāṭānah. The study finds that the concept of ta'āyush possesses significant potential to serve as a foundation for social cohesion in the context of the modern nation-state, as it emphasizes harmonious coexistence without erasing the identities of different social groups. This concept

can also be applied in managing relationships among majority groups, minority communities, and persons with disabilities in order to develop an inclusive and harmonious society.

**Keywords:** *Ta'āyush, Arabic Semantic, Social Integrity, Social Fiqh, Nation State*

## Pengenalan

Perbincangan mengenai keutuhan sosial menjadi semakin penting dalam masyarakat moden yang bersifat pluralistik. Kewujudan kepelbagaian agama, budaya, bahasa dan latar sosial menuntut satu kerangka konsep yang mampu membentuk kehidupan bersama secara aman dan saling menghormati. Dalam tradisi Islam kontemporari, istilah *ta'āyush* (التعايش) semakin mendapat perhatian dalam wacana hubungan sosial, khususnya dalam perbincangan mengenai pluralisme, keharmonian masyarakat majmuk dan hubungan antara agama (Khadijah, 2020; Mohammad Naqib et al., 2021).

Istilah ini sering digunakan dalam konteks hubungan antara agama, hubungan antara budaya dan kehidupan masyarakat majmuk. Namun demikian, penggunaan istilah ini dalam perbincangan akademik masih memerlukan penelitian yang lebih mendalam khususnya dari sudut semantik dan kedudukannya dalam disiplin fiqh sosial. Oleh itu, makalah ini bertujuan menganalisis konsep *ta'āyush* dari aspek asal usul istilah, pembinaan makna dan potensinya sebagai konsep keutuhan sosial dalam konteks negara bangsa moden.

### Asal Usul Istilah *Ta'āyush*

Istilah *ta'āyush* berasal daripada akar kata Arab عاش (*āsha*) yang membawa maksud “menjadi hidup atau mempunyai kehidupan”. Daripada akar kata ini lahir beberapa bentuk derivasi (Ibrāhīm Muṣṭafā et al., 1989) antaranya seperti berikut:

- عيشة (*t̄shah*) – kehidupan

فَهُوَ فِي عَيْشَةٍ رَّاضِيَةٍ ﴿٢١﴾

Terjemahan: Maka (dengan itu) tinggalah dia dalam **kehidupan** yang senang lenang lagi memuaskan (al-al-Hāqqah, 21)

- معيشة (*ma t̄shah*) – penghidupan atau cara hidup

وَمَنْ أَعْرَضَ عَنْ ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَعْمَى ﴿١٢٤﴾

Terjemahan: Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjukKu, maka sesungguhnya adalah baginya **penghidupan** yang sempit, dan Kami akan himpunkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta (Ṭahā, 124)

- معاش (*ma āsh*) – sumber kehidupan seperti makanan dan minuman

وَجَعَلْنَا النَّهَارَ مَعَاشًا ﴿١١﴾

Terjemahan: Dan Kami telah menjadikan siang (dengan cahaya terangnya) - masa untuk mencari **sumber kehidupan?**

- تعيش (*ta 'āyush*) – hidup bersama

Istilah *ta 'āyush* tidak disebut secara harfiah di dalam al-Quran, namun intipati maksudnya dapat diperhatikan dalam dua ayat yang dinyatakan seperti berikut:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ  
عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Terjemahan: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu). (al-Hujurat, 13)

لَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوا مِنْ دِينِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ  
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

Terjemahan: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil (al-Mumtahanah, 8)

Dari sudut morfologi Arab, istilah *ta 'āyush* terbentuk daripada wazan تفاعل (*tafā'ul*) yang menunjukkan makna timbal balik atau interaksi antara dua pihak atau lebih. Oleh itu, *ta 'āyush* bukan sekadar merujuk kepada “hidup”, tetapi membawa pengertian “hidup bersama” secara saling melibatkan antara kelompok manusia.

Makna ini menunjukkan bahawa konsep *ta 'āyush* memiliki dimensi sosial yang kuat. Kehidupan manusia tidak berlaku secara individu semata-mata, bahkan menuntut interaksi, perkongsian ruang dan penerimaan terhadap kewujudan pihak lain dalam masyarakat.

### Analisis Semantik Istilah *Ta 'āyush*

Dari sudut semantik, istilah *ta 'āyush* berkembang daripada makna literal kepada makna konseptual yang lebih luas. Pada peringkat awal, akar kata عاش hanya merujuk kepada kehidupan secara fizikal. Namun melalui perkembangan penggunaan bahasa dan wacana sosial Islam, istilah ini mengalami peluasan makna sehingga merujuk kepada kehidupan bersama secara harmoni.

Dari aspek linguistik, struktur istilah dibina berdasarkan pola تفاعل yang memberikan implikasi makna seperti yang dinyatakan oleh al-Rājihi (1984; Abdul Halim, 2011):

**Pertama:** berkongsi tindakan (saling) antara dua pihak, seperti تقتاتل زيد وعمر “Zaid dan Omar saling berbunuhan”

**Kedua:** kepura-puraan, buat-buat sesuatu perkara yang bukan sebenarnya, seperti *تلاوم علي* “Ali buat-buat tidur”

**Ketiga:** semakin meningkat sesuatu perbuatan, seperti *تواردت الأخبار* “Berita itu semakin tersebar”

**Keempat:** menunjukkan akibat, seperti *باعده فتياعد* “Aku menjauhinya, dan akibatnya dia menjauhkan diri”

Berdasarkan makna linguistik ini, pilihan makna yang paling tepat bagi istilah *تعایش* ialah makna pertama, berkongsi perbuatan kerana konsep ini mempunyai hubungan rapat dengan beberapa istilah lain dalam tradisi Islam seperti *Tasāmuh* (التسامح) – toleransi, *Ta’āruf* (التعارف) – saling mengenali, *Ukhuwwah* (الأخوة) – persaudaraan, *Muwāṭanah* (المواطنة) – kewarganegaraan dan *‘Adālah Ijtimā’iyyah* (العدالة الاجتماعية) – keadilan sosial.



Rajah 1: Konsep-konsep yang dirangkumi oleh Ta'ayush

Berdasarkan Rajah 1, pembentukan ekosistem masyarakat yang utuh dimanifestasikan melalui lima pemboleh ubah utama yang saling mengikat secara hierarki. Pada peringkat asas, *ta'āruf* (التعارف) berfungsi sebagai pemula kepada proses sosial melalui komunikasi interbudaya yang substantif demi meruntuhkan prejudis kognitif (Surah Al-Hujurāt, 49:13). Keberkesanan proses *ta'āruf* ini secara langsung mengasimilasikan sikap *tasāmuh* (التسامح), iaitu fasa bertolak ansur dan berlapang dada yang menghormati realiti pluralisme moral dan budaya (Hadis Riwayat Ahmad). Seterusnya, transisi daripada sekadar toleransi pasif kepada keterlibatan aktif membentuk jalinan *ukhuwwah* (الأخوة) atau solidariti sosial yang dipandu oleh nilai empati yang mendalam (Surah Al-Hujurāt, 49:10). Sentimen persaudaraan ini kemudiannya diperluaskan ke ruang makro melalui gagasan *muwāṭanah* (المواطنة), yang merujuk kepada kontrak sosial kewarganegaraan yang inklusif serta kecintaan kepada watan tanpa mengira latar belakang etno-religius (Hadis Riwayat al-Tirmidhi). Akhir sekali, kemuncak kepada kestabilan sosiopolitik ini melahirkan *'adālah ijtimā'iyyah* (العدالة الاجتماعية), iaitu keadilan sosial yang komprehensif di mana hak saksama, pengagihan ekonomi yang adil, dan kedaulatan undang-undang dapat ditegakkan secara objektif (Surah Al-Nahl, 16:90)."

Walau bagaimanapun, *ta'āyush* mempunyai ciri tersendiri kerana ia menekankan aspek kewujudan bersama secara praktikal dalam ruang sosial yang sama. Konsep ini tidak semestinya menuntut persamaan mutlak, tetapi menekankan pengurusan perbezaan secara aman dan konstruktif. Dalam konteks hubungan diplomatik, istilah *ta'āyush* juga merujuk kepada persetujuan dan muafakat untuk tidak melakukan serangan (Kesatuan Linguis Arab, 1988).

Dalam konteks semantik moden, istilah ini sering diterjemahkan sebagai *co-existence* dalam bahasa Inggeris (Norhana et al., 2024). Namun demikian, makna *ta'āyush* dalam tradisi Islam lebih luas kerana ia turut mengandungi dimensi etika, tanggungjawab sosial dan prinsip kemanusiaan.

### ***Ta'āyush* dalam Kerangka Fiqh Sosial**

Konsep *ta'āyush* boleh dikategorikan sebagai sebahagian daripada cabang fiqh sosial (*al-fiqh al-ijtimā'ī*) kerana ia menekankan pengurusan hubungan sesama manusia dalam konteks masyarakat pluralistik (Andi Darna, 2021). Fiqh sosial merujuk kepada kefahaman hukum Islam yang berorientasikan kemaslahatan masyarakat, hubungan sosial dan realiti kehidupan manusia secara kolektif.

Dalam sejarah Islam, konsep kehidupan bersama dapat dilihat melalui beberapa contoh penting seperti:

- Piagam Madinah yang mengatur hubungan masyarakat pelbagai agama
- Hubungan masyarakat Muslim dengan ahl al-dhimmah
- Prinsip keadilan sosial dalam pemerintahan Islam

Kerangka *ta'āyush* dalam fiqh sosial berasaskan beberapa prinsip utama seperti pengiktirafan terhadap kepelbagaian manusia, pemeliharaan maruah insan, keadilan sosial, toleransi dalam hubungan kemasyarakatan serta pembinaan keamanan masyarakat. Prinsip-prinsip ini selari dengan pendekatan maqasid syariah dan perbahasan *fiqh al-ta'āyush* dalam tradisi Islam kontemporari (al-Qaradawi, 2009; Kamali, 2015; Khambali @ Hambali, 2020).

1. Pengiktirafan terhadap kepelbagaian manusia  
Prinsip ini berkaitan dengan konsep pluraliti sebagai sunnatullah dan asas hubungan sosial dalam Islam (Kamali, 2015).
2. Pemeliharaan maruah insan  
Konsep *karamah al-insan* menjadi asas penting dalam hubungan sesama manusia tanpa mengira agama dan latar sosial (Sachedina, 2001).
3. Keadilan sosial  
Keadilan merupakan prinsip utama dalam pengurusan masyarakat dan hubungan antara kelompok sosial dalam Islam (Ramadan, 2004).
4. Tolak ansur dalam urusan kemasyarakatan  
Pendekatan toleransi dan kesederhanaan menjadi teras dalam pembentukan masyarakat harmoni dan kehidupan bersama (al-Qaradawi, 2009).
5. Keharmonian dan keamanan masyarakat  
Konsep *ta'āyush* bertujuan membina kestabilan sosial dan keamanan dalam masyarakat pluralistik (Khambali @ Hambali, 2020).

Prinsip-prinsip ini menjadikan *ta'āyush* bukan sekadar konsep teori, bahkan suatu pendekatan praktikal dalam membina masyarakat yang stabil dan harmoni.



Rajah 2: Kerangka Konseptual *Ta'ayush*

## *Ta'ayush* dan Pembinaan Keutuhan Sosial

### Golongan Majoriti

Dalam konteks masyarakat majoriti, konsep *ta'ayush* menuntut sikap bertanggungjawab dalam mengurus kepelbagaian sosial. Golongan majoriti mempunyai pengaruh besar dalam menentukan bentuk hubungan sosial dalam sesebuah negara. Oleh itu, konsep ini menggalakkan pendekatan inklusif, toleran dan menghormati hak kelompok lain.

### Golongan Minoriti

Bagi golongan minoriti, *ta'ayush* memberikan ruang pengiktirafan sosial dan hak kewarganegaraan. Kehidupan bersama yang harmoni tidak dapat dicapai sekiranya kelompok minoriti berasa terpinggir atau tidak dilindungi hak mereka. Dalam hal ini, konsep *ta'ayush* berfungsi sebagai asas kepada pembentukan masyarakat yang adil dan seimbang.

### Golongan Kelainan Upaya

Konsep *ta'ayush* juga boleh diperluaskan kepada hubungan dengan golongan kelainan upaya. Kehidupan bersama yang sebenar menuntut pengiktirafan terhadap keperluan semua anggota masyarakat tanpa diskriminasi. Oleh itu, pendekatan inklusif terhadap pendidikan, pekerjaan dan kemudahan awam merupakan manifestasi praktikal konsep *ta'ayush*.

### *Ta'ayush* dalam Konteks Negara Bangsa

Dalam konteks negara bangsa moden, *ta'ayush* mempunyai potensi besar sebagai asas pembinaan identiti nasional yang bersifat inklusif. Masyarakat moden tidak lagi terdiri daripada kelompok homogen, sebaliknya dibentuk oleh pelbagai identiti budaya, agama dan etnik.

Konsep *ta'āyush* membolehkan pembentukan identiti nasional tanpa menghapuskan identiti kelompok yang berbeza. Dalam konteks Malaysia misalnya, konsep ini boleh menjadi asas kepada pengukuhan perpaduan nasional kerana ia menekankan prinsip kehidupan bersama secara aman, hormat-menghormati dan saling memahami. Selain itu, konsep ini juga selari dengan gagasan masyarakat madani (Anuar, 2023) yang menekankan nilai kemanusiaan, keadilan sosial dan keharmonian antara kelompok masyarakat.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, istilah *ta'āyush* merupakan konsep yang mempunyai nilai signifikan dalam pembinaan keutuhan sosial. Analisis semantik menunjukkan bahawa istilah ini berkembang daripada makna kehidupan kepada konsep kehidupan bersama yang harmoni dan inklusif. Dalam kerangka fiqh sosial, *ta'āyush* berfungsi sebagai pendekatan praktikal dalam mengurus kepelbagaian masyarakat.

Konsep ini mempunyai keupayaan besar dalam membina kefahaman negara bangsa moden kerana ia menekankan prinsip pengiktirafan terhadap kepelbagaian, keadilan sosial dan kehidupan bersama secara aman. Oleh itu, konsep *ta'āyush* wajar diberikan perhatian yang lebih luas dalam penyelidikan akademik dan pembangunan dasar sosial kontemporari.

### **Penghargaan**

Para penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada FRGS/1/2023/SS10/UITM/02/26 di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi dan 600-RMC/FRGS 5/3 (053/2023) di bawah Universiti Teknologi MARA atas pemberian dana untuk penyelidikan ini.

## Rujukan

- Abdul Halim Mohamad. (2011). *Practice Morfology*. Kuala Lumpur: Aslita Sdn. Bhd.
- Al-Rājīhī, ‘Abduh. (1973). *Al-Taṭbīq al-Ṣarfī*. Beirut: Dār al-Nahdah al-‘Arabiyyah.
- Andi Darna. (2021). Perkembangan Hukum Islam Di Indonesia: Konsep Fiqih Sosial dan Implementasinya dalam Hukum Keluarga. *El-Usrah Jurnal Hukum Keluarga* 4(1): 90
- Anwar Ibrahim. (2023). *Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Pejabat Perdana Menteri Malaysia.
- Kamali, M. H. (2015). *The middle path of moderation in Islam: The Qur’anic principle of wasatiyyah*. Oxford University Press.
- Kesatuan Linguis Arab. (1988). *Al-Mu’jam al-‘Arabī al-Asāsī*. Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Sains Arab.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. (2020). Kepelbagaian dan Kesatuan Dalam Konteks Fiqh al-Ta’ayush di Malaysia Menurut Perspektif Pemikiran Islam. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 22(1), 73-102.
- Mohammad Naqib Hamdan, Mohd Anuar Ramli, Syamsul Azizul Marinsah, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abdul Razak & Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli. (2021). Aplikasi fiqh al-ta’ayush yang berorientasikan prinsip wasatiyyah dalam membina keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 13, 15-35.
- Mustafa, I, al-Zayyat, A.H, al-Qadir, H.A & al-Najjar, M. A. (1993). *Al-Mu’jam al-Wasīf*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Norhana Abdullah @ Siew Boey Ng, Azarudin Awang, & Azman Che Mat. (2024). Chinese Muslims and Their Non-Muslim Families on Muamalat Fiqh Co-Existence (Ta’ayush). *Global Journal Al-Thaqafah*, 49–66. <https://doi.org/10.7187/GJATSI072024-4>
- Qaradawi, Y. al-. (2009). *Fiqh al-Ta’ayush bayna al-Muslimin wa Ghayr al-Muslimin*. Beirut: Maktabah Wahbah.
- Ramadan, T. (2004). *Western Muslims and the Future of Islam*. Oxford University Press.
- Sachedina, A. (2001). *The Islamic Roots of Democratic Pluralism*. Oxford University Press.